



## MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

### KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (**Terengganu**) dalam kod bidang **220801** ( Kawalan Keselamatan – Perlu Lesen KDN ) dan tajuk masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut :-

1	NO SEBUTHARGA MBKT SH 98/2024	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI PEJABAT MBKT CAWANGAN KUALA NERUS DAN KAWASAN PERSEKITARANNYA. (BAGI TEMPOH: 24 BULAN)
---	--	--

#### SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** , dengan harga **RM 20/= senaskah**. Syarikat hendaklah membawa bersama-sama Perakuan Pendaftaran **Asal Kementerian Kewangan Malaysia** dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran 'Kementerian Kewangan Malaysia'** dan satu **Rekod Pengalaman Kerja (Kawalan Keselamatan)** hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA  
KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH98/2024** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **1 Januari 2025 (Rabu)**.

3. Sebutharga ini akan dijual mulai **23 Disember 2024 (Isnin)** hingga **31 Disember 2024 (Selasa)** pada waktu pejabat sahaja.

4. Syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan perkhidmatan ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pendaftaran akan disyorkan untuk digantung.
5. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.

**t.t**

**( DATO' HJ. ROSLI BIN LATIF )**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.